

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NEGARA



KASEMANI (dua dari kanan) melawat salah sebuah rerual pameran pada sambutan Hari Kesihatan Warga Emas dan Diabetes peringkat Terengganu di Sungai Tarom, Setiu semalam.

40,000 golongan dewasa di Terengganu hidap diabetes

SETIU — Sebanyak 16 peratus daripada golongan dewasa Terengganu disahkan menghidap penyakit diabetes iaitu lebih tinggi daripada purata prevalen nasional iaitu 15.6 peratus.

Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk Dr. Kasemani Embong berkata, majoriti daripada 40,000 golongan dewasa negeri ini yang disahkan menderita diabetes terbabit merupakan golongan warga emas.

"Seramai 24,000 orang atau 60 peratus pesakit diabetes di

Terengganu berusia 60 tahun ke atas.

"Baki 16,000 orang lain pula berumur dalam lingkungan 18 hingga 59 tahun," katanya di Sungai Tarom di sini semalam.

Terdahulu beliau merasmikan sambutan Hari Kesihatan Warga Emas dan Diabetes peringkat Terengganu.

Kasemani berkata, peningkatan prevalen diaabetes di negeri ini terutama dalam kalaangan warga emas perlu ditangani secara holistik.

Jelas beliau, Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu telah mengambil inisiatif proaktif seperti memperhebatkan program saringan kesihatan terutama melibatkan golongan warga emas.

"Kita mahu golongan sasaran tersebut menikmati kehidupan sihat pada usia emas mereka," katanya.

Kasemani berkata, pengawalan penyakit diabetes terbabit amat penting bagi mengelakkan sebarang komplikasi lain yang boleh menjadikan kesihatan.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NST LEADER

